

24/10/1998

Perhimpunan haram: Polis tahan lima lelaki

KUALA LUMPUR, Jumaat - Polis menahan lima orang, termasuk dua pelajar institusi pengajian tinggi, bagi menghalang perarakan haram menuju ke bangunan Parlimen selepas solat Jumaat petang ini.

Turut ditahan ialah seorang jurukamera rakyat tempatan yang mendakwa bertugas membuat liputan untuk sebuah stesen televisyen asing kerana menghalang tugas polis.

Jurukamera itu ditahan berhampiran Dataran Merdeka kerana dikatakan menghalang Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Senior Asisten Komisioner II Zainal Abidin Ali, ketika membuat pengumuman meminta orang ramai bersurai, kira-kira jam 2.30 petang.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamarudin Md Ali, berkata mereka yang ditahan akan direman untuk siasatan lanjut berhubung penyertaan dalam perarakan dan perhimpunan haram itu.

"Kita mahu mengumpul maklumat untuk mengenal pasti dalang di sebalik siri perhimpunan haram di ibu negara sejak kebelakangan ini," katanya ketika ditemui di Dataran Merdeka, petang ini.

Perhimpunan itu bermula di Masjid Negara sejurus selepas solat Jumaat, apabila kira-kira 3,000 jemaah mula berkumpul dan melaungkan 'Reformasi' serta 'Allahuakbar'.

Beberapa lelaki kemudian mengajak mereka bergerak menuju Parlimen di mana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan membentangkan Belanjawan 1999, kira-kira jam 4 petang.

Bagaimanapun, usaha itu gagal kerana hanya kira-kira 300 hingga 400 orang saja yang terpengaruh dengan ajakan itu.

Sebelum ini, kumpulan yang mengaku Angkatan Reformasi Malaysia mengedar risalah mengajak orang ramai menyertai perhimpunan raksasa di luar bangunan Parlimen, petang ini.

Risalah itu juga mengandungi pelbagai arahan kepada mereka yang menyertai perhimpunan berkenaan, selain amaran kepada pihak polis supaya jangan cuba menyekat mereka.

Kamarudin berkata, polis terpaksa menghalang perjalanan kumpulan itu berhampiran Dataran Merdeka kerana mereka dikatakan mahu bergabung dengan satu lagi kumpulan penunjuk perasaan yang menunggu di persimpangan Jalan Raja dan Jalan Tun Perak.

Menurutnya, perarakan itu disuraikan selepas mereka enggan mematuhi arahan supaya berbuat demikian.

(END)